

Lagu Melayu Asli: Lenggok Asas dan Latihan Pemanasan Suara Khusus

Nor Azura Abu Bakar

Pusat Pengajian Pascasiswazah

Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA)

norazura@aswara.edu.my

ABSTRAK

Lagu Melayu asli merupakan salah satu kesenian nyanyian tradisional Melayu yang kaya dengan nilai estetika serta keunikan hiasan vokalnya yang dikenali sebagai lenggok. Kajian ini bertujuan untuk membangunkan satu panduan sistematik bagi penguasaan lenggok asas dan latihan pemanasan suara khusus yang boleh dimanfaatkan oleh penyanyi yang ingin mendalami seni nyanyian Lagu Melayu asli. Keperluan kajian ini timbul daripada kelemahan kaedah pembelajaran konvensional yang berasaskan imitasi dan penghafalan semata-mata, sekali gus menyukarkan individu yang kurang kemahiran berlenggok untuk menguasai asas teknik nyanyian Lagu Melayu asli secara berkesan. Kajian ini merumuskan pendekatan baharu dalam bentuk dokumentasi formal yang boleh dijadikan rujukan kepada pendidik dan pelajar muzik tradisional. Metodologi yang digunakan merangkumi kajian perpustakaan, temu bual separa berstruktur, pemerhatian turut serta penglibatan langsung dalam aktiviti persembahan dan pengajaran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan sistematik yang dicadangkan, melalui notasi lenggok asas dan latihan pemanasan suara yang disusun khas, dapat meningkatkan pemahaman teknik nyanyian Lagu Melayu Asli dalam kalangan pelajar baharu. Dokumentasi yang terhasil daripada kajian ini memberi sumbangan bermakna dalam pemeliharaan dan

kesinambungan warisan seni nyanyian tradisional Melayu. Kajian ini diharap dapat menyokong pembangunan pedagogi muzik tradisional secara lebih inklusif dan progresif, sejajar dengan keperluan pendidikan seni kontemporari.

Kata Kunci: *Lagu Melayu asli; lenggok asas; latihan pemanasan suara; notasi vokal; teknik nyanyian tradisional*

ABSTRACT

Lagu Melayu asli is a form of traditional Malay vocal art rich in aesthetic values and distinguished by its unique vocal ornamentation known as lenggok. This study aims to develop a systematic guide for mastering basic lenggok and specific vocal warm-up exercises that can benefit singers who wish to explore the art of singing Lagu Melayu asli. The need for this study arises from the limitations of conventional learning methods that rely heavily on imitation and memorization, which pose challenges for individuals with limited lenggok skills to effectively acquire the foundational singing techniques of Lagu Melayu asli. This study proposes a new approach in the form of formal documentation that can serve as a reference for traditional music educators and learners. The methodology employed includes library research, semi-structured interviews, participant observation, and direct involvement in performances and teaching activities. The findings indicate that the proposed systematic approach—through the use of notated basic lenggok and specially designed vocal warm-up exercises—enhances the understanding of Lagu Melayu asli singing techniques among novice singers. The resulting documentation provides a meaningful contribution to the preservation and continuity of traditional Malay vocal art. This study is expected to support the development of traditional music pedagogy in a more inclusive and progressive manner, in line with the demands of contemporary arts education.

Keyword: *Lagu Melayu asli; basic lenggok; vocal warm-up exercises; vocal notation; traditional singing technique*

PENGENALAN

Lagu Melayu asli merupakan salah satu bentuk seni muzik tradisional Melayu yang kaya dengan nilai estetika, sejarah dan identiti budaya masyarakat Melayu. Ia bukan sahaja berperanan sebagai hiburan, tetapi juga sebagai medium penyampaian nilai moral, emosi, serta memori kolektif masyarakat. Dengan lenggok vokalnya yang lembut, beralun dan melankolik, lagu Melayu asli menyerlahkan kehalusan jiwa bangsa dan memperlihatkan kepelbagaian ekspresi dalam budaya lisan Melayu (Mat Piah, 1989; Silahudin, 2009). Genre ini dianggap sebagai simbol kesantunan Melayu dan refleksi kepada kehidupan harian, perasaan cinta, kerinduan, serta alam sekitar, yang dizahirkan melalui syair, pantun, dan bait-bait puitis.

Walaupun ia mendukung warisan tradisional yang panjang, asal-usul Lagu Melayu Asli adalah sukar untuk ditentukan secara jelas berikutan kekurangan bukti bertulis dan dokumentasi sejarah yang lengkap (Che Mat Jusoh, 2006). Walau bagaimanapun, beberapa teks klasik seperti *Hikayat Hang Tuah* (sekitar abad ke-18) dan Sejarah Melayu oleh Shellabear (1915) mencatatkan kewujudan nyanyian pantun yang diiringi alat muzik seperti gong, gendang dan kecapi, yang memberi petunjuk kepada bentuk awal kesenian vokal Melayu. Di samping itu, W. G. Shellabear turut merekodkan penggunaan gendang raya oleh masyarakat Melaka dalam upacara nyanyian pantun (Silahudin, 2011), memperkukuh hipotesis bahawa bentuk awal nyanyian Melayu telah wujud sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Dari segi perkembangan, lagu Melayu asli dipercayai bermula daripada tradisi lisan masyarakat desa dan berkembang melalui proses pewarisan secara oral. Lagu ini sering dinyanyikan dalam majlis keramaian, acara adat, dan sebagai hiburan harian (A. Hamid & Ilias, 2006). Keunikan genre ini terserlah dalam gaya

penyampaiannya yang bersahaja namun sarat dengan emosi. Selain itu, interaksi dengan budaya luar seperti Arab, India, dan Barat turut memperkayakan bentuk melodi dan struktur iramanya (Matusky & Tan, 2012), namun tanpa menghilangkan keaslian gaya vokalnya. Istilah “asli” sendiri merujuk kepada rentak yang terawal dicipta oleh orang Melayu selepas mengenal alat muzik Barat, menjadikan genre ini sebagai hasil adaptasi tempatan terhadap pengaruh luar (Che Mat Jusoh, 2006).

Dari sudut persembahan, lagu Melayu asli dicirikan oleh penggunaan alat muzik seperti biola, akordion, rebana, dan gong. Dalam era kontemporari, ia turut digabungkan dengan alat moden seperti gitar, seruling, dan bass untuk menghasilkan bunyian yang lebih kaya. Lagu-lagu ini selalunya berasaskan pantun dan syair, dengan struktur melodi yang fleksibel dan lenggok vokal yang kompleks sebagai elemen utama yang membezakan penyampaian nyanyian (Mat Piah, 1989).

Secara sejarah, lagu Melayu asli mempunyai pertalian rapat dengan bentuk-bentuk muzik dan tarian tradisional lain seperti Dondang Sayang dan Ronggeng. Misalnya, Dondang Sayang di Melaka yang turut menggunakan pantun dan alat muzik serupa, namun berbeza dari segi gaya nyanyian yang lebih monoton, sedangkan lagu Melayu asli lebih beralun dan dinamik, mencerminkan kelembutan dan kesantunan budaya Melayu (Silahudin, 2011). Tambahan pula, pada era 1930-an hingga 1940-an, ansambel Melayu asli menjadi iringan utama kepada persembahan tarian sosial seperti Ronggeng, di mana lenggok nyanyian turut memainkan peranan penting dalam komunikasi persembahan (Che Mat Jusoh, 2006).

Walau bagaimanapun, dengan kemunculan arus pemodenan, globalisasi, serta dominasi genre muzik popular, lagu Melayu asli semakin terpinggir, terutama dalam kalangan generasi muda. Minat terhadap seni

tradisional ini semakin berkurang akibat kurangnya pendedahan, kekurangan guru pakar, serta ketiadaan dokumentasi atau modul pengajaran yang sistematik (Silahudin, 2011). Tradisi pengajaran secara lisan yang berasaskan peniruan (*rote learning*) menuntut kepekaan pendengaran dan kehadiran guru sebagai sumber ilmu utama. Kaedah ini menyulitkan proses pembelajaran bagi pelajar baharu yang tidak mempunyai asas dalam muzik tradisional.

Permasalahan utama dalam konteks pembelajaran lagu Melayu asli ialah ketiadaan pendekatan pedagogi yang sistematik, terutamanya dalam aspek lenggok asas, iaitu hiasan vokal yang menjadi tunjang kepada penyampaian estetik. Lenggok dalam lagu Melayu asli bukan sekadar perhiasan melodi, malah berperanan dalam membentuk ekspresi emosi dan penyampaian cerita. Namun begitu, struktur dan jenis-jenis lenggok ini jarang didokumentasikan secara formal, menyebabkan ia hanya dapat difahami secara intuitif melalui pengamatan dan peniruan (Hassim & Karim, 2023).

Menurut Matusky dan Tan (2012), elemen penting dalam muzik tradisional termasuk gaya nyanyian dan melodi sering kali didokumentasikan secara minimum, dan bergantung sepenuhnya kepada guru-guru tradisional untuk meneruskan legasi pengajaran. Ini membawa kepada variasi dalam penyampaian dan seterusnya menyulitkan usaha menstandardkan kaedah pembelajaran vokal tradisional. Tambahan pula, Mat Piah (1989) menjelaskan bahawa perkembangan lagu Melayu asli yang tidak terdokumentasi secara sistematik telah menyebabkan banyak elemen seni ini hilang atau berubah dari generasi ke generasi.

Berdasarkan konteks dan permasalahan tersebut, kajian ini dijalankan dengan matlamat untuk mendokumentasikan jenis lenggok asas dalam nyanyian lagu Melayu asli, terutamanya yang lazim digunakan

dalam persembahan tradisional dan membangunkan latihan pemanasan suara khusus yang sesuai untuk memperkukuh penguasaan teknik nyanyian vokal dalam genre ini.

Kajian ini mengadaptasi pendekatan sistematik dalam pembelajaran teknik vokal tradisional, dengan memberikan penekanan terhadap penyediaan notasi muzik dan latihan vokal yang terarah. Selain sebagai bahan akademik, dokumentasi ini berpotensi untuk dijadikan panduan pengajaran dalam kurikulum seni vokal di institusi pengajian tinggi. Seiring dengan pandangan Anis Md Nor (2010), usaha pelestarian seni tradisional perlu mengambil kira pendekatan pedagogi moden yang lebih mesra pelajar serta inklusif.

Akhirnya, penyelidikan ini bukan sahaja bertujuan untuk pemeliharaan seni warisan, tetapi juga sebagai satu inisiatif untuk memperkukuh kedudukan lagu Melayu asli dalam landskap pendidikan seni persembahan vokal kontemporari. Dengan penyesuaian pendekatan pedagogi, penyediaan dokumentasi formal, dan pembangunan latihan vokal yang bersesuaian, diharapkan generasi baharu akan lebih mudah mengakses, memahami dan menghayati keindahan seni tradisional ini, seterusnya memastikan kelangsungannya dalam era moden dan akan datang.

KAJIAN LEPAS

Kajian tentang nyanyian lagu Melayu asli telah dijalankan dari pelbagai sudut pandang seperti stilistik, linguistik, muzikologi dan persembahan, namun masih terdapat kekosongan dari segi dokumentasi lenggok asas dan pembangunan latihan vokal yang sistematik. Beberapa kajian awal menumpukan kepada aspek stilistik nyanyian sebagai bentuk ekspresi budaya.

Silahudin (2009) misalnya, meneliti penggunaan repetisi, partikel linguistik, dan struktur frasa dalam

nyanyian lagu Melayu asli, serta bagaimana elemen-elemen ini mencerminkan kehalusan jiwa masyarakat Melayu. Walaupun memberikan pemahaman mendalam terhadap aspek semantik dan estetik lagu, kajian ini tidak memperincikan teknik atau latihan vokal secara khusus.

Dari sudut linguistik, Alimi dan Kassin (2018) mengkaji fenomena penengahan vokal rendah /a/ dalam lagu Melayu asli dan mendapati bahawa wujud sistem pengucapan vokal yang mempengaruhi sebutan penyanyi. Dapatan ini penting untuk memahami pembentukan lenggok, tetapi tidak menyediakan garis panduan latihan vokal yang boleh dimanfaatkan secara langsung dalam konteks pendidikan.

Kajian muzikologi oleh Abdullah, Mazlan dan Arshad (2020) pula memberi tumpuan kepada struktur asas lagu termasuk aspek melodi, irama dan bentuk, namun tidak mengulas tentang aplikasi vokal secara mendalam. Penelitian ini menyumbang kepada pemahaman teknikal lagu Melayu asli tetapi tidak menyentuh tentang strategi pengajaran atau dokumentasi teknik lenggok.

Sementara itu, kajian oleh Ahmed dan Kechot (2015) membincangkan unsur sinkretisme dalam penggunaan instrumentasi lagu Melayu asli, menunjukkan bagaimana pengaruh Arab, India dan Barat telah diserap masuk ke dalam persembahan, tanpa menghapuskan identiti vokal asal. Walaupun penting dalam memahami evolusi persembahan muzik tradisional, kajian ini tidak menelusuri aspek latihan atau pedagogi vokal.

Kajian Silahudin (2021) mengenai pertandingan nyanyian Lagu Melayu Asli dalam kalangan remaja pula menekankan pentingnya aktiviti budaya sebagai wahana pewarisan seni, namun turut mencerminkan ketiadaan pendekatan latihan vokal yang sistematik dalam kalangan peserta muda.

Antara kajian paling hampir dengan skop penyelidikan ini ialah oleh Hassim dan Karim (2023) yang mendokumentasikan bentuk-bentuk ornamentasi vokal seperti lenggok, grenek dan melismatik. Kajian ini memperkenalkan pengkategorian hiasan vokal secara terperinci, namun tidak menyediakan bentuk latihan atau panduan vokal yang boleh digunakan oleh pelajar atau pengajar.

Nasruddin (2020) pula menegaskan bahawa silibus vokal di institusi pengajian tinggi di Malaysia masih kurang memberi penekanan kepada nyanyian tradisional Melayu, dan lebih tertumpu kepada genre Barat seperti opera atau muzik kontemporari. Kekurangan bahan bantu mengajar dan latihan bertahap menyebabkan pelajar vokal tradisional kurang keyakinan serta tidak mampu menyampaikan lenggok secara tepat.

Dalam kajian Abdul Karim dan Musa (2023), dinyatakan bahawa pendekatan berasaskan amalan (*practice-based*) ialah kaedah terbaik untuk menyusun latihan vokal tradisional yang bersifat progresif dan sesuai dengan realiti amalan nyanyian tradisi. Kajian ini menyarankan pembangunan silibus yang merangkumi pengulangan, pendengaran aktif serta kefahaman terhadap makna budaya yang terkandung dalam lenggok. Tambahan pula, kajian luar negara turut menyokong keperluan kepada sistem pengajaran vokal yang formal dan tersusun.

Kartomi (1994) menjelaskan bahawa tradisi vokal seperti *ca trù* di Vietnam dan keroncong di Indonesia turut menghadapi cabaran dari aspek pemindahan pengetahuan vokal secara berstruktur. Beliau mencadangkan agar dokumentasi dan latihan vokal disusun mengikut kerangka pedagogi moden agar dapat disampaikan secara efektif kepada generasi pelapis.

Sehubungan itu, Nettle (2005) turut menegaskan bahawa penyelidikan dalam bidang etnomuzikologi

seharusnya tidak hanya meneliti aspek persembahan dan estetika, tetapi juga memberi perhatian kepada bagaimana teknik vokal dapat diajar dan diuji secara pedagogikal. Beliau menyatakan bahawa masyarakat yang mengamalkan pewarisan seni secara lisan memerlukan dokumentasi yang bukan sahaja menggambarkan bentuk seni, tetapi juga menyokong proses pendidikan seni suara.

Oleh itu, berdasarkan sorotan kajian lepas yang telah dibentangkan, jelas bahawa wujud keperluan mendesak terhadap pendekatan pedagogi vokal yang sistematik dalam pembelajaran lenggok lagu Melayu asli. Kajian ini bukan sahaja mengisi kekosongan tersebut, tetapi juga menyumbang kepada pembinaan sistem pengajaran vokal Melayu yang lebih terarah, menyeluruh dan lestari dalam konteks pendidikan tinggi dan pewarisan budaya.

KAEDAH KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes deskriptif. Pendekatan ini dipilih kerana ia sesuai untuk meneroka secara mendalam aspek lenggok vokal dan latihan pemanasan suara dalam konteks nyanyian lagu Melayu asli yang bersifat subjektif, berasaskan pengalaman serta tidak boleh diukur secara kuantitatif (Creswell, 2013). Selain itu, pendekatan ini membolehkan pengkaji menganalisis makna budaya, simbolisme muzik, serta variasi teknik vokal secara mendalam berdasarkan pemerhatian dan maklumat dari informan pakar.

Lokasi dan Tempoh Kajian

Kajian ini dijalankan di sekitar Lembah Klang, khususnya di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), melibatkan aktiviti bengkel, persembahan dan sesi temu bual. Tempoh kajian merangkumi tempoh selama dua tahun, bermula dari Oktober 2020 hingga Oktober 2022.

Informan Kajian

Informan kajian terdiri daripada tiga tokoh pakar rujuk akademik penggiat seni suara tradisional, iaitu Nik Mustapha Nik Md Salleh Adi guru etnomuzikologi, Sabihah Abdul Wahid dan Azizzul Haqim Md Anuar penggiat seni suara tradisional.

Pemilihan informan dilakukan secara bertujuan, kerana ketiga-tiga tokoh ini memiliki kepakaran, pengalaman langsung dan peranan aktif dalam penyebaran ilmu seni suara tradisional (Merriam & Tisdell, 2016). Pengalaman mereka dalam mengajar dan membuat persembahan membolehkan pengkaji memperoleh maklumat yang tepat mengenai jenis lenggok yang digunakan serta kaedah latihan yang diamalkan.

Kaedah Pengumpulan Data

Tiga kaedah utama digunakan dalam pengumpulan data, iaitu kajian perpustakaan. Pengkaji meneliti bahan rujukan seperti buku teks, jurnal akademik, tesis, prosiding dan artikel dalam talian berkaitan lagu Melayu asli, lenggok vokal, teknik nyanyian tradisional dan pedagogi vokal. Antara sumber utama termasuk karya

oleh Mat Piah (1989), Matusky & Tan (2012), Silahudin (2009, 2021) dan Hassim & Karim (2023).

Seterusnya temu bual separa berstruktur. Sesi temu bual dijalankan secara bersemuka dan dalam talian. Soalan yang diajukan merangkumi topik-topik seperti jenis lenggok yang sering digunakan, cara latihan suara dilakukan oleh penyanyi tradisional, potensi latihan formal dalam kurikulum vokal dan keberkesanan pendekatan sistematik berbanding peniruan lisan. Kesemua temu bual dirakam dengan izin informan dan kemudian ditranskripsi secara manual untuk dianalisis.

Terakhir adalah pemerhatian turut serta dan penglibatan secara langsung. Pengkaji telah menyertai dan memerhati aktiviti seperti Bengkel Lagu Melayu Asli anjuran Artisan Rentak Muzik (Perak), Persembahan Ronggeng Putrajaya sempena Festival Floria, Konsert Rakyat Melaka, Sesi pengajaran Sijil Seni Tradisi PuTRA ASWARA, Bengkel Rekayasa Suara Malaysia (UPM) dan Bengkel Nyanyian Lagu Melayu Asli (UMK, Majlis Perbandaran Selayang).

Data direkod melalui catatan lapangan, rakaman video dan audio menggunakan telefon pintar serta refleksi selepas aktiviti. Pemerhatian ini membantu mengenal pasti variasi lenggok mengikut penyanyi, teknik latihan sebenar dan maklum balas pelajar.

Kaedah Analisis Data

Data daripada temu bual dan pemerhatian dianalisis secara analisis tematik dengan mengenal pasti tema utama berdasarkan transkrip. Proses ini melibatkan pengekodan data kepada tema seperti jenis lenggok, strategi latihan vokal, dan bentuk *sleeve word*. Seterusnya pengelompokan tema mengikut kategori motif melodi dan terakhir pemetaan antara lenggok dan latihan vokal yang dibina.

Selain itu, pengkaji menganalisis notasi muzik dan motif melodi berdasarkan rakaman lagu yang dipilih, iaitu “Seri Mersing” dan “Seri Banang”. Analisis notasi bertujuan mentafsir struktur lenggok dalam bentuk visual dan memberi panduan pembelajaran yang boleh diulang secara praktikal.

Etika Penyelidikan

Kajian ini mematuhi prinsip etika penyelidikan dengan memastikan persetujuan dimaklumkan diperoleh daripada semua informan, kerahsiaan dan privasi informan dijaga, bahan rakaman digunakan hanya untuk tujuan ilmiah dan dokumentasi kajian.

Semua prosedur dikendalikan secara profesional dan berdasarkan garis panduan etika penyelidikan seni di institusi pengajian tinggi (Hammersley & Traianou, 2012).

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini menghasilkan dua komponen utama, iaitu dokumentasi jenis-jenis lenggok asas berdasarkan analisis melodi dan temu bual bersama informan dan latihan pemanasan suara khusus yang dibina berdasarkan motif lenggok tersebut.

Hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat enam bentuk motif lenggok yang lazim digunakan dalam nyanyian Lagu Melayu Asli. Dapatan ini diperkuatkan melalui triangulasi data daripada pemerhatian, temu bual dan analisis rakaman lagu tradisional seperti Seri Mersing dan Seri Banang.

Lenggok


Keunikan lagu Melayu asli banyak bergantung kepada bentuk melodinya yang terikat dengan idiom-idiom

tertentu, dikenali dalam konteks muzik Melayu sebagai lenggok. Lenggok ini sukar dijelaskan secara langsung melalui perkataan atau pertuturan, kerana ia terletak pada nada dan gaya alunan suara penyanyi dalam lagu itu sendiri. Walau bagaimanapun, ciri-ciri khas dalam lenggok dapat dikenal pasti dan menjadi elemen penting yang memberikan identiti kepada lagu Melayu asli. Ciri-ciri ini membolehkan pendengar mengenal pasti sesebuah lagu sebagai lagu Melayu asli atau sejenis dengannya.

Istilah bunga dalam lagu Melayu asli merujuk kepada elemen ornamentasi yang sepadan dengan istilah-istilah dalam muzik klasik dan kontemporari, seperti *appoggiatura*, *acciaccatura*, *mordent*, *trill*, dan *turn* (Hassim, 2023). Elemen ini sering kali mencerminkan gaya persembahan vokal yang dihasilkan secara spontan oleh penyanyi mengikut kemahiran dan kreativiti mereka. Biasanya, ornamentasi ini berlaku pada suku kata terakhir dalam frasa nyanyian dan mengikuti pola tertentu, termasuk *iterances* (pengulangan dua not), *rise curve* (not yang diluncurkan secara menaik), *down curve* (not yang diluncurkan secara menurun), *conjunct movement* (not yang berkembang secara berturutan atau bertangga) dan *disjunct movement* (not yang berkembang secara melompat, melebihi *major 2nd*) (Nik Md Salleh, 2014).

Penyampaian lenggok dalam lagu Melayu asli bergantung sepenuhnya kepada kemahiran penyanyi, yang lazimnya diperoleh melalui pengalaman berguru atau kaedah *rote learning*, iaitu penghafalan dan peniruan. Walau bagaimanapun, penghasilan lenggok perlu berpandukan kord, skel dan mod lagu tersebut bagi mengelakkan penyampaian melodi yang terkeluar dari nada yang dimainkan. Lenggok juga sering dikaitkan dengan istilah melismatik, iaitu gaya nyanyian yang menggunakan sekumpulan not untuk setiap suku kata atau rentak. Pada peringkat asas, penyanyi digalakkan untuk memberikan penekanan pada lenggok seiring

dengan penekanan perkataan pada hujung frasa nyanyian, seperti yang disebut oleh Nik Md Salleh (2014), “*word accent and melody sccent cannot be separated.*” Sebagai contoh:-






Rajah 1 – Penekanan Lenggok Seiring dengan Penekanan Perkataan pada Hujung Frasa Nyanyian

Jenis-jenis Lenggok Asas

Berdasarkan hasil pemerhatian, temu bual dan analisis lagu, pengkaji telah mengenal pasti enam jenis lenggok asas yang disusun mengikut kategori motif melodi dan dinotasi secara sistematik dalam Jadual 1. Setiap lenggok ini dikaitkan dengan bentuk gerakan nada yang digunakan oleh penyanyi tradisional.

Jadual 1 – Jenis Lenggok Asas

JENIS	KATEGORI	K E T E R A N - G A N	NOTASI
Bunga 1	<i>Iterances / Vi- brato</i>	Pengulangan nada yang sama.	
Bunga 2	<i>Rise Curve</i>	Pergerakan melodi yang me- naik dari nada rendah ke tinggi secara 'slur'.	
Bunga 3	<i>Down Curve</i>	Pergerakan melodi yang menurun dari nada tinggi ke rendah secara 'slur'.	
Bunga 4	<i>C o n j u n c t Movement</i>	Pergerakan melodi menaik dan menurun secara berturut	
Bunga 5	<i>D i s j u n c t Movement</i>	Pergerakan melodi menaik dan menurun secara melompat	


JENIS	KATEGORI	KETERANGAN	NOTASI
Bunga 6	<i>Conjunct Movement + Disjunct Movement</i>	Gabungan pergerakan melodi menaik dan menurun secara berturut dan melompat	Contoh 1 : 
			Contoh 2 : 
			Contoh 3 : 












Penyanyi seharusnya memahami semua motif melodi di atas terlebih dahulu, kerana ianya akan diguna pakai dalam semua jenis lagu tradisional umumnya dan khusus kepada lagu Melayu asli. Cuma yang membezakan nyanyian di antara satu lagu dan lagu yang lain adalah dari segi not. Dalam masa yang sama, setiap patahan lagu juga perlu diakhiri dengan vibrato kecil pada akhir frasa iaitu pada not-not yang panjang.




Analisis Penerapan Lenggok dalam Lagu Melayu Asli

Sebagai pelengkap kepada pembangunan dokumentasi lenggok asas dan latihan pemanasan suara, kajian ini turut menjalankan analisis terpilih terhadap dua lagu tradisional Melayu Asli, iaitu Seri Mersing dan Seri Banang. Analisis ini bertujuan untuk memperlihatkan bagaimana lenggok asas yang dikenalpasti boleh diaplikasikan secara langsung dalam konteks nyanyian sebenar, serta menilai keberkesanan latihan vokal yang dibangunkan.









Jadual 2 – Lagu 1: Seri Mersing

LIRIK	JENIS BUNGA
 Se ri _____	1. Bunga 2 2. Bunga 1
 Me re sing _____	1. Panjangkan not 2. Bunga 6 3. Bunga 1
 La gu lah _____	Bunga 1

 Me la _____ yu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Panjangkan not 2. Bunga 6 3. Bunga 1
 La gu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bunga 3 2. Bunga 1
 Di gu bah _____	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bunga 6 2. Bunga 1
 Bi du an	Bunga 1
 Da hu lu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bunga 6 2. Bunga 1
 Ha ti	Bunga 1
 Ku run sing _____	<ol style="list-style-type: none"> 1. Panjangkan not 2. Bunga 6 3. Bunga 1
 Ber tam bah lah	Bunga 1
 Pi lu _____	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bunga 2 2. Bunga 1 3. Panjangkan not 4. Bunga 6 5. Bunga 1
 Me nge nang kan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bunga 3 2. Bunga 1
 Na sib	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bunga 6 2. Bunga 1

 Me nge nang kan na_____ sib	1. Panjangkan not 2. Bunga 6 3. Bunga 1
 Ya tim lah	3. Bunga 3 4. Bunga 1
 Pi a tu	5. Bunga 6 6. Bunga 1

Jadual 3 – Lagu 2: Sri Banang

 La yang la yang_____	1. Bunga 2 2. Bunga 1
 Ber ta li be nang_____	1. Panjangkan not 2. Bunga 6 3. Bunga 1
 Pu tus nya be nang	1. Bunga 3 2. Bunga 1
 Ku gan_____ ti	Bunga 1
 Ta li	1. Bunga 6 2. Bunga 1
 Ka sih yang ja uh	Bunga 6
 Ja ngan	1. Bunga 3 2. Bunga 1
 Di ke nang_____	1. Panjangkan not 2. Bunga 6 3. Bunga 1

Ka lau di ke nang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Panjangkan not 2. Bunga 6 3. Bunga 1
Ka lau	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bunga 3 2. Bunga 1
Di ke nang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bunga 6 2. Bunga 1
Me ra cun	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bunga 3 2. Bunga 1
Ha ti _____	<ol style="list-style-type: none"> 1. Panjangkan not 2. Bunga 6 3. Bunga 1

Kedua-dua lagu ini merupakan antara lagu Melayu asli yang paling popular dan sering dijadikan rujukan dalam pertandingan serta kelas vokal. Analisis mendapati lagu ini banyak menampilkan gabungan penggunaan lenggok asas pada akhir frasa dan kekerapan lebih kepada bunga 1, bunga 3 dan bunga 6.

Sleeve Word


Selain itu, dalam lagu Melayu asli juga terdapat penambahan perkataan bagi melengkapkan bunga atau suku kata yang dinamakan *sleeve word*. Ianya sentiasa wujud dan terpulang kepada penyanyi sama ada mahu menggunakan atau tidak dan boleh diletakkan di mana-mana perkataan yang dikira sesuai. Contohnya di dalam lagu Seri Mersing, perkataan yang bertanda merah yang dimaksudkan sebagai *sleeve word* :-

Seri Mersing.. Lagu **lah** Melayu..
Lagu digubah biduan dahulu.
Hati **lah** runsing bertambah **lah** pilu.
Umpama kaca terhempas ke batu.

Latihan Pemanasan Suara


Sebelum memulakan nyanyian, seorang penyanyi perlu melakukan latihan pemanasan suara untuk tempo 15 - 20 minit pertama. Nyanyian meletakkan sejumlah besar kuasa pada suara, tambahan ianya memberi tekanan kepada otot diafragma. Ini bertujuan untuk mencegah daripada berlakunya kecederaan pada korda vokal, membantu melenturkan otot vokal, dan otot vokal tersebut akan bersedia untuk aktiviti nyanyian yang berat dan meningkatkan peredaran darah, fleksibiliti dan ciri-ciri responsif yang boleh dipindahkan kepada lagu-lagu.

Setiap latihan pemanasan suara untuk peringkat permulaan harus diambil satu nada yang rendah di mana semua jenis suara mampu melakukannya termasuk lelaki dan perempuan tanpa apa-apa penegangan. Dalam kes ini, semua latihan pemanasan suara akan bermula dengan not A di bawah *middle 'C'* berulang menaik secara kromatik sehingga not yang tertinggi selepas *middle 'C'*. Jadi secara tidak langsung, setiap latihan akan menggunakan skala A major dan penggunaan solfa *movable 'do'*.



Middle 'C'

Rajah 2 – Skala A Major Dalam Bentuk Notasi



C berwarna merah merupakan *middle* ‘C’
 Rajah 3 – Penempatan Not pada Piano dan dalam Notasi Treble dan Bass Clef

Jadual 4 : Jenis-jenis Latihan Pemanasan Suara Asas

JENIS	PENERANGAN
<i>Humming</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Kaedah membunyikan perkataan ‘hm-mm’ dan mulut berada dalam keadaan tertutup. • Latihan yang paling asas. • Beban di pita suara jauh lebih ringan berbanding membuka mulut. • Menghasilkan rasa dengung dalam sinus, gemaan di seluruh kepala, ruang tengkorak dan dapat meningkatkan pic suara. • Rasakan dengung ke seluruh tubuh bahagian atas.

<p><i>Lip Trill / Tongue Trill</i></p>	<ul style="list-style-type: none">• Bayangkan berada di dalam air dan meniup udara keluar melalui bibir dan lidah.• Rasakan getaran pada bibir dan lidah sebagai pintu keluar udara dari paru-paru anda.• Bibir dan lidah perlu sepenuhnya berada dalam keadaan selesa.• Udara dipindahkan melalui mulut dengan menggunakan otot diafragma dalam keadaan terkawal.• Membantu untuk memanaskan otot diafragma, bibir dan lidah.• Melatih pernafasan yang stabil.• Membantu menghasilkan <i>tone placement</i> yang baik.• Baik untuk mengalihkan fokus otak dari leher ke bahagian depan wajah.• Meningkatkan kualiti nyanyian dengan sebutan yang lebih jelas dan mudah.• Ada sesetengah penyanyi mengalami kesukaran untuk membuat latihan <i>lip trill</i> ini, bagi memudahkan latihan, letakkan jari telunjuk pada kedua-dua belah rahang untuk memberi tumpuan laluan udara pada getaran bibir.
--	---

<i>Staccato</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Membunyikan nada dengan sangat pendek dan terputus-putus. • Meningkatkan kelancaran latihan pernafasan, <i>support</i> dan <i>tone placement</i>. • Penolakan akan berlaku pada otot diafragma sekali gus dapat melenturkan otot diafragma dan mengelak dari berlakunya kejutan. • Letakkan kedua-dua tangan di bahagian perut untuk merasakan pergerakan yang terputus-putus.
<i>Legato</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Membunyikan nada secara bersambungan dengan satu nafas. • Membuka mulut dengan bukaan yang bulat, menurunkan rahang dan memastikan lidah tidak menutup anak tekak. • Meningkatkan kelancaran latihan pernafasan, <i>support</i> dan <i>tone placement</i>. • Melatih pembentukan intonasi dan pertukaran huruf vokal dan membantu. • Menghasilkan penjelasan nada.

Bagi melatih memahami not-not yang kerap diguna pakai dalam lenggok asas nyanyian lagu Melayu asli, beberapa jenis latihan pemanasan suara khusus telah dibangunkan dengan menggunakan motif lenggok asas lagu Melayu asli berdasarkan subtopik lenggok asas.

Jadual 5 – Latihan Pemanasan Suara Khusus

JENIS	MOTIF	LATIHAN
Humming	<i>Disjunct Movement</i>	

Perbandingan dengan Dapatan Kajian Lain

Kajian ini melangkaui penyelidikan terdahulu dari segi aplikasi praktikal kepada latihan vokal. Sebagai contoh Hassim dan Karim (2023) hanya mengkategorikan ornamentasi secara teori, namun tidak membina modul latihan, Silahudin (2009) menghuraikan gaya dan pengulangan dalam nyanyian tetapi tidak menghubungkannya dengan teknik pemanasan suara. Alimi dan Kassim (2018) memfokus kepada fonologi, tetapi tidak membincangkan kaedah pengajaran teknik vokal. Nooshin (2015) dalam konteks muzik Iran, menekankan pentingnya latihan sistematik bagi pelestarian nyanyian tradisional pendekatan ini selari dengan sumbangan kajian ini dalam konteks Melayu.

Dengan wujudnya dokumentasi lenggok dan latihan sistematik ini, kajian ini menyumbang secara langsung kepada pewujudan silibus vokal tradisional yang sebelum ini hanya bergantung kepada pengajaran lisan. Dapatan kajian membuktikan bahawa dokumentasi lenggok asas dan latihan pemanasan suara bukan sahaja membantu pelajar dalam memahami struktur nyanyian Melayu Asli, tetapi juga menyumbang kepada kelestarian seni vokal tradisional secara sistematik dan terarah. Gabungan pendekatan kualitatif dan pedagogi vokal praktikal menjadikan hasil kajian ini berpotensi untuk diterapkan dalam pendidikan vokal tradisional di peringkat institusi.

KESIMPULAN

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penghasilan panduan lenggok asas dan latihan pemanasan suara khusus bagi lagu Melayu asli merupakan satu inisiatif penting dalam mengisi kekosongan dalam pedagogi vokal tradisional. Kajian ini tidak hanya menyumbang kepada dokumentasi dan pembelajaran lagu-lagu warisan, tetapi turut memberikan implikasi yang luas dalam bidang pendidikan seni, pelestarian budaya dan penyelidikan vokal.

Pertama, kajian ini memperkukuh keperluan silibus vokal tradisional yang tersusun, khususnya dalam konteks pendidikan tinggi seni persembahan. Dengan penghasilan dokumentasi lenggok asas dalam bentuk notasi muzik dan latihan vokal yang boleh diikuti secara sistematik, pelajar kini mempunyai sumber pembelajaran yang jelas dan boleh diakses tanpa bergantung sepenuhnya kepada kaedah peniruan secara lisan.

Dokumentasi ini juga dapat dijadikan asas bagi pembinaan modul vokal tradisional dalam program sijil, diploma atau ijazah seni suara, yang sebelum ini banyak tertumpu kepada latihan vokal barat (klasik dan kontemporari) tanpa pendekatan formal terhadap nyanyian Melayu asli. Dengan adanya latihan vokal berdasarkan motif lenggok seperti *humming*, *trill*, *staccato* dan *legato*, pelajar bukan sahaja dapat menguasai teknik asas vokal Melayu asli tetapi juga mempersiapkan diri untuk aplikasi profesional seperti pertandingan, persembahan pentas dan rakaman studio.

Kajian ini turut memberi sumbangan bermakna kepada usaha pelestarian warisan tidak ketara (*intangible heritage*), khususnya dalam konteks muzik tradisional Melayu. Lenggok vokal dalam lagu Melayu asli merupakan aset budaya yang halus dan kompleks, dan berisiko pupus sekiranya tidak didokumentasikan secara ilmiah. Usaha ini selaras dengan prinsip yang ditekankan oleh UNESCO (2003) tentang kepentingan pemeliharaan dan pemindahan ilmu seni tradisional kepada generasi akan datang melalui dokumentasi, pendidikan dan inovasi.

Dalam jangka panjang, hasil kajian ini boleh dijadikan asas kepada pembangunan arkib vokal digital yang mengandungi rakaman audio, transkripsi notasi, dan panduan vokal yang boleh diakses oleh pelajar, penggiat seni dan penyelidik di seluruh negara. Tambahan pula, panduan vokal ini boleh diadaptasi dalam bengkel latihan komuniti, program sekolah seni, dan inisiatif budaya tempatan seperti pertandingan nyanyian dan persembahan warisan.

Bagi memastikan impak kajian ini dapat diperluas, penulis mencadangkan pembinaan modul pembelajaran digital interaktif yang memuatkan rakaman contoh lenggok, video latihan pemanasan suara dan panduan notasi. Modul ini boleh dibangunkan dalam bentuk aplikasi mudah alih, laman sesawang interaktif atau integrasi dalam *Learning Management System* (LMS) untuk kegunaan pelajar dan tenaga pengajar.

Sebagai contoh, setiap bunga lenggok boleh disediakan dalam bentuk audio-video bersama panduan latihan harian. Fungsi seperti *playback*, *pitch visualizer* dan *metronome* boleh dimasukkan untuk membantu pelajar memahami lenggok secara kinestetik dan visual. Inisiatif sebegini bukan sahaja meningkatkan capaian ilmu vokal tradisional, tetapi turut menjadikan pembelajaran lebih menarik dan mesra generasi digital.

Walaupun kajian ini menumpukan kepada lenggok asas, masih banyak ruang untuk penyelidikan lanjutan dalam bidang nyanyian lagu Melayu asli, antaranya kajian perbandingan lenggok nyanyian mengikut negeri (Kelantan, Negeri Sembilan, Johor, Perak) untuk mengenal pasti variasi gaya dan teknik, penyelidikan tentang interpretasi emosi dan semantik dalam lenggok vokal Melayu asli, penilaian keberkesanan latihan vokal sistematik dalam kurikulum seni suara dan kajian tindakan dalam konteks pengajaran vokal di sekolah seni atau komuniti tempatan.

Selain itu, terdapat potensi untuk menggabungkan pendekatan interdisiplin seperti terapi suara, psikologi persembahan, dan antropologi muzik dalam memperkayakan pemahaman terhadap nilai dan fungsi lenggok vokal dalam masyarakat Melayu kontemporari.

Akhir sekali, untuk memastikan keberlangsungan impak kajian, penulis mencadangkan agar hasil penyelidikan ini mendapat sokongan institusi seperti Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), Jabatan Warisan Negara (JWN) dan institusi pendidikan seni seperti ASWARA, UiTM, UPSI dan banyak lagi. Penyepaduan hasil kajian ini dalam dasar kurikulum,

pembangunan profesional tenaga pengajar, dan pengiktirafan seni warisan vokal adalah langkah penting bagi memastikan relevansi seni tradisional dalam dunia moden.

Kajian ini menegaskan bahawa lenggok vokal dalam nyanyian lagu Melayu asli bukan sekadar elemen estetik, tetapi merupakan struktur ekspresif yang mencerminkan identiti budaya dan kehalusan jiwa masyarakat Melayu. Namun, cabaran besar yang dihadapi ialah ketiadaan dokumentasi formal, kekangan dalam pewarisan lisan, serta ketiadaan pendekatan pedagogi sistematik dalam pengajaran teknik lenggok dan pemanasan suara.

Melalui pendekatan kualitatif yang merangkumi kajian perpustakaan, temu bual bersama tokoh vokal tradisional, serta pemerhatian turut serta dalam pelbagai aktiviti seni, kajian ini berjaya mendokumentasikan enam jenis lenggok asas yang dikenali pasti secara empirikal. Lenggok-lenggok ini, yang terdiri daripada bunga seperti *rise curve*, *down iterances*, *disjunct movement* dan kombinasi kompleks, telah dianalisis dan dimasukkan ke dalam sistem latihan vokal yang khusus. Latihan pemanasan suara yang dibina bukan sahaja berpandukan struktur melodi tradisional, tetapi turut mempertimbangkan prinsip vokal moden seperti kawalan diafragma, artikulasi, resonans dan kestabilan intonasi.

Kajian ini secara langsung menyumbang kepada pembinaan modul pedagogi vokal tradisional yang pertama dalam konteks sistematik dan berasaskan motif, pemerksaan akses kepada pembelajaran nyanyian tradisional melalui pendekatan dokumentasi dan latihan yang boleh diulang, penyediaan asas untuk digitalisasi pembelajaran vokal melalui aplikasi dan rakaman interaktif dan penambahan kepada wacana ilmiah dalam bidang etnomuzikologi vokal dan pendidikan seni suara.

Secara keseluruhan, kajian ini membuka ruang untuk satu pendekatan baharu dalam pengajaran seni suara tradisional yang seimbang antara warisan dan inovasi. Ia juga membuktikan bahawa nyanyian lagu Melayu asli masih relevan, dinamik dan mampu disampaikan secara moden tanpa kehilangan nilai asal. Dengan

penerusan kajian lanjutan, penglibatan institusi pendidikan dan pengiktirafan daripada badan kebudayaan negara, diharapkan warisan nyanyian ini dapat terus hidup, dipelajari, dinikmati dan dihargai oleh generasi kini dan akan datang.

RUJUKAN

- Abdullah, M.H., Mazlan, C. A. N., & Arshad, S. F. (2020). *Satu tinjauan muzikologi lagu Melayu asli*. *Jurai Sembah*, 1(2), 14–26.
- Ahmed, I., & Kechot, A. S. (2015). *Lagu Melayu asli: Unsur sinkretisme dalam instrumentasi persembahan*. *Jurnal Melayu*, 14(2).
- Alimi, K. F., & Kassin, T. A. (2018). *Proses penengahan vokal rendah /a/ dalam lagu Melayu Asli*. *Jurnal Linguistik*, 22(1).
- Anis, M. (2010). *Preserving cultural heritage through performing arts education*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arshad, S. F., Mazlan, C. A. N., et al. (2022). *Take a Peek! Into Lagu Melayu Asli*. *Jurnal Seni Melayu*.
- Creswell, J. W. (2013). *Qualitative inquiry and research design: choosing among five approaches (3rd ed.)*. Sage.
- Che Mat Jusoh. (2006). Lagu Melayu asli: Asal usul dan perkembangannya. *Majalah Pentas*, 1(3), 15–19.
- Hammersley, M., & Traianou, A. (2012). *Ethics in qualitative research: Controversies and contexts*. Sage.
- Harun Mat Piah. (1989). *Puisi Melayu tradisional: satu pembicaraan genre dan fungsi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassim, D. S. H., & Karim, K. (2023). The singing ornamentation of lagu Melayu asli. *Jurnal Seni Musik*, 12(2), 186–197.
- Kartomi, M. J. (1994). “Traditional music weeps” and other themes in the discourse on music, dance and theatre of Indonesia, Malaysia and Thailand. *Journal of Southeast Asian Studies*, 25(1), 141–171.

- Matusky, P. A., & Tan, S. C. (2012). *Muzik Malaysia: Tradisi Klasik, Rakyat dan Sinkretik*. University of Malaya Press.
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation (4th ed.)*. Jossey-Bass.
- Nettl, B. (2005). *The study of ethnomusicology: Thirty-one issues and concepts (2nd ed.)*. University of Illinois Press.
- Nooshin, L. (2015). Learning and teaching music in iran: a historical and pedagogical perspective. *Ethnomusicology Forum*, 24(1), 47–66.
- Rogayah A. Hamid, & Jumaah Ilias. (Eds.). (2006). *Lagu rakyat: Memupuk kesantunan Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shellabear, W. G. (1915). *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Methodist Publishing.
- Silahudin, S. (2009). *Lagu Melayu Asli: Stilistik Nyanyian sebagai Wahana Seni Melayu*. Prosiding Seminar Budaya Melayu Serumpun, Universitas Sumatera Utara.
- Silahudin, S. (2021). Pertandingan nyanyian lagu Melayu asli sebagai kegiatan budaya dalam kalangan remaja. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4(1), 62–71.
- Wong, D. (2018). *Sounding the center: History and Aesthetics in Chinese vocal music*. University of Chicago Press.